

7,083 mangsa banjir direkod di Pahang

KUANTAN - Jumlah mangsa banjir di negeri ini terus meningkat kepada 7,083 daripada 1,854 keluarga sehingga jam 4 petang semalam.

Perkembangan itu menunjukkan banjir bertambah buruk apabila bilangan mangsa dipindahkan meningkat berbanding 6,723 mangsa daripada 1,771 keluarga dicatatkan pada tengah hari.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Pahang, Zainal Yusoff berkata, bilangan pusat pemindahan sementara bertambah kepada 97

pusat di sembilan daerah.

"Lipis catat bilangan mangsa tertinggi dengan 1,987 mangsa, diikuti Kuantan, 1,430 orang," katanya.

Rompin juga menunjukkan peningkatan mangsa kepada 994 orang, Jerantut 894, Maran 671, Raub, 286, Pekan 638, Temerloh 223 dan Bera 31 mangsa.

Lipis rekod jumlah pusat pemindahan sementara paling banyak dibuka iaitu 28 pusat, diikuti Jerantut (18), Raub (11), Kuantan (10), Temerloh (9) Pekan (7), Maran (6), Rompin (5) dan Bera (3).